

# Ancam integriti penguat kuasa

**Kuala Lumpur:** Kegiatan tonto yang mengekori dan memantau pergerakan kenderaan penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) disifatkan sebagai jenayah terancang yang mengancam integriti penguatkuasaan undang-undang serta keselamatan pengguna jalan raya.

Ketua Pusat Kajian Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Law Teik Hua berkata, tonto bertindak sebagai ‘mata dan telinga’ kepada sindiket atau pengusaha kenderaan berat yang mahu mengelak tindakan undang-undang.

“Kehadiran mereka bu-

kan sekadar menghalang operasi JPJ, malah memberi ruang kepada pelanggar undang-undang untuk terus beroperasi” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, antara risiko utama akibat peranan tonto adalah membenarkan kenderaan berat yang tidak selamat termasuk yang mengalami kerosakan brek, muatan berlebihan atau tidak diselenggara terus berada di jalan raya.

“Situasi ini meningkatkan risiko kemalangan maut terhadap pengguna jalan raya lain,” katanya.

Teik Hua berkata, terdapat kes tonto bertindak agresif termasuk membuat ugutan, mengekori rapat, malah cuba menghalang operasi penguat kuasa.